

## **MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DAN PERANAN PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

*(Social Problem Among Students and The Role Of Islamic Education Lecturer in  
Teaching and Learning)*

Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A. Shukor

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang masalah sosial yang berlaku kepada pelajar dan khususnya kepada remaja. Remaja hari ini adalah tonggak dan harapan generasi akan datang. Di usia remaja, seharusnya para pelajar ini tekun menelaah pelajaran mereka. Bidang pendidikan adalah satu pelaburan yang amat berharga buat remaja dan para pelajar ini. Dengan pendidikan, mereka akan menjadi manusia yang hebat di dunia dan akhirat. Justeru itu, peranan para pensyarah khususnya Pensyarah Pendidikan Islam seharusnya memainkan tanggungjawab besar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya pengajaran mereka akan terkesan di hati para pelajar. Pengajaran yang berkesan ini akan menyentuh hati pelajar dan seterusnya menjadi peringatan kepada mereka dari terjebak ke dalam gejala sosial.

**Kata kunci:** Masalah Sosial, Peranan Pensyarah Pendidikan Islam, Pengajaran dan Pembelajaran.

### **ABSTRACT**

This article discusses the social problems which occur among students, particularly the teenagers. Teenagers, nowadays, are the pillars and hopes of the future generation. At this teen age, students should pay more attention in studies. Education field is a valuable investment for teenagers and these students. Through education, the lecturers of Islamic Education particularly, play an important role in teaching and learning efficiently so that it leaves a good lesson in students' heart, thus becomes a good reminder for them not to get involved in social problems.

**Keywords:** Social Problem, the role of Islamic Education lecturer, teaching and learning

## **PENGENALAN**

Peredaran waktu semakin pantas, perkembangan teknologi juga semakin maju dengan pesatnya. Hal ini turut melibatkan bidang pendidikan yang begitu penting pada masa kini. Perkara ini disebabkan pendidikan adalah satu fenomena dinamik yang sentiasa berubah kepada kehendak dan keperluan semasa (Saipo Ayub, 2005; Abdull Sukor Shaari, 2010; Syed Sofian Syed Salim *et al.*, 2011).

Apapun di sini, perubahan dan anjakan akan bermula dengan inisiatif dan usaha murni setiap pendidik yang mahu melihat transformasi hidup para pelajarnya dapat direalisasikan. Profesion pendidikan dan perguruan merupakan suatu kerjaya mulia yang membina manusia terus menjadi manusia yang hebat (Jabatan Pelajaran Selangor, 2009). Hebat di sini bukan sahaja cemerlang dalam aspek keduniaan, malah membawa kemanfaatan manusia untuk berjaya di alam akhirat.

Lumrah dan roda kehidupan menyebabkan insan yang bergelar pendidik sering menghadapi cabaran dan dugaan (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Cabaran yang besar dalam profesion perguruan merupakan satu usaha membangunkan generasi bangsa yang bermoral, beretika serta maju menjelang tahun 2020 (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011; Abu Bakar Nordin, 2013). Hal ini kerana masalah sosial dalam kalangan pelajar masa kini masih lagi berada dalam statistik yang membimbangkan.

### **Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar**

Masalah gejala sosial di Malaysia tidak boleh dipandang sepi. Hari demi hari, gejala ini semakin serius merebak, melarat, malah sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan (Baharom Mohamad *et al.*, 2008; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Perlu ditegaskan permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan kerana sekolah atau mana-mana institusi pendidikan merupakan tempat proses P&P berlaku. Suasana kondusif amat diperlukan supaya keberkesanan kedua-dua proses tersebut berjaya dimanfaatkan oleh pelajar (Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009).

Masalah sosial pelajar yang terus menerus merungsingkan keadaan telah dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2010. Statistik ini menjelaskan bilangan kes baru pesalah muda mengikut jenis kesalahan, kumpulan etnik, dan jenis jantina. Pada statistik jadual 1.1 menggambarkan bilangan kes baru pesalah muda melibatkan kegiatan jenayah terhadap harta benda, dadah, sabit manusia, lalu lintas, senjata atau bahan api, akta kesalahan kecil, judi, melanggar syarat pengawasan, dan lain-lain.

Jadual 1.1 Bilangan Kes Baru Pesalah Muda Mengikut Jenis Kesalahan, Kumpulan Etnik Dan Jantina, 2010

| Jenis Kesalahan             | M    |    | C   |    | I   |   | PSm |   | PSb |    | PSw |   | L  |   | J    |     |
|-----------------------------|------|----|-----|----|-----|---|-----|---|-----|----|-----|---|----|---|------|-----|
|                             | L    | P  | L   | P  | L   | P | L   | P | L   | P  | L   | P | L  | P | L    | P   |
| Harta Benda                 | 819  | 29 | 20  | 3  | 91  | 2 | 1   | 0 | 75  | 2  | 14  | 1 | 6  | 3 | 1026 | 40  |
| Dadah                       | 361  | 32 | 52  | 6  | 43  | 0 | 0   | 0 | 93  | 8  | 1   | 1 | 4  | 0 | 554  | 47  |
| Sabit Manusia               | 144  | 4  | 12  | 0  | 26  | 0 | 1   | 1 | 18  | 0  | 9   | 0 | 2  | 1 | 212  | 6   |
| Lalu lintas                 | 148  | 3  | 7   | 0  | 19  | 0 | 0   | 0 | 1   | 0  | 3   | 0 | 0  | 0 | 178  | 3   |
| Senjata/Bahan Api           | 33   | 0  | 4   | 0  | 6   | 1 | 0   | 0 | 16  | 0  | 0   | 0 | 0  | 0 | 59   | 1   |
| Akta Kesalahan Kecil        | 9    | 0  | 0   | 0  | 4   | 0 | 0   | 0 | 1   | 0  | 0   | 0 | 0  | 0 | 14   | 0   |
| Judi                        | 7    | 0  | 1   | 1  | 4   | 0 | 0   | 0 | 0   | 0  | 0   | 0 | 0  | 0 | 12   |     |
| Melanggar Syarat Pengawasan | 45   | 2  | 2   | 0  | 4   | 0 | 0   | 0 | 0   | 0  | 0   | 0 | 0  | 0 | 51   | 2   |
| Lain-lain                   | 275  | 11 | 41  | 0  | 21  | 0 | 0   | 0 | 17  | 11 | 0   | 0 | 5  | 0 | 359  | 22  |
| Jumlah                      | 1841 | 81 | 139 | 10 | 218 | 3 | 2   | 1 | 221 | 21 | 27  | 2 | 17 | 4 | 2465 | 122 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2010

Berdasarkan jadual di atas, terdapat tujuh kumpulan etnik yang dikategorikan. Kategori yang terlibat melibatkan kaum melayu (M), cina (C), india (I), peribumi semenanjung (PSm), peribumi sabah (PSb), peribumi sarawak (PSw) dan lain-lain (L). Jadual 1.1 menunjukkan bilangan etnik melayu mendominasi setiap jenis kesalahan yang berlaku. Hal ini menunjukkan masalah sosial terlalu dekat kepada bangsa melayu yang menjadi suatu kebimbangan yang amat sangat jika tidak dicegah. Jadual berikutnya menjelaskan betapa kemelut najis dadah belum lagi dapat diatasi oleh masyarakat hari ini. Walaupun kerajaan sudah melaksanakan berbagai bentuk usaha membasmi kegiatan najis musuh nombor satu ini, masalah ini terus berlaku.

Jadual 1.2 Perbandingan Penagih yang Dikesan bagi Jan-Okt 2012 dan 2011.

| Status Kes                  | JAN-OKT 2012 | %       | JAN-OKT 2011 | Perbezaan 2012/2011 (%) | PURATA JAN-OKT 2012 |        |       |
|-----------------------------|--------------|---------|--------------|-------------------------|---------------------|--------|-------|
|                             |              |         |              |                         | Sebulan             | Sehari | Sejam |
| <b>Penagih Baru Dikesan</b> | 4,566        | 58.51%  | 6,163        | -25.91%                 | 457                 | 15     | 1     |
| <b>Penagih Berulang</b>     | 3,238        | 41.49%  | 3,613        | -10.38%                 | 324                 | 11     | 0     |
| <b>Jumlah</b>               | 7,804        | 100.00% | 9,776        | -20.17%                 | 780                 | 26     | 1     |

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri (2012)

Berdasarkan data pada kedua-dua statistik ini (jadual 1.1 dan jadual 1.2), memberi maklum kepada semua bahawa cabaran akhlak, disiplin, dan moral merupakan satu permasalahan yang memerlukan satu usaha yang serius. Lebih dari itu, usaha bersungguh-sungguh daripada semua pihak bagi membendung permasalahan ini wajar dilaksanakan. Justeru itu, penubuhan institusi pengajian tinggi seperti politeknik memainkan peranan penting menyambung tugas pendidikan alam persekolahan. Tidak ketinggalan juga, membantu peranan yang telah dimainkan sama oleh institut pengajian tinggi lain seperti universiti-universiti awam, swasta, kolej komuniti mahupun kolej swasta (Alias Mat Saad *et al.* 2011). Di sinilah proses pembentukan tenaga kerja dan modal insan kelas pertama akan diacu dan dibentuk. Peranan pensyarah ditagih sebaiknya bagi merealisasikan impian negara. Asas kepada matlamat penubuhan IPT adalah melahirkan individu-individu yang berpengetahuan, cekap, berkemahiran tinggi dan bersedia menyerap pengetahuan serta kemahiran kedalam pelbagai sektor dan organisasi (Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa (2011). Pensyarah-pensyarah khususnya Pensyarah Pendidikan Islam di politeknik memikul amanah besar membawa perubahan dan pengisian jiwa kepada para pelajar. Amanah ini juga melahirkan amal soleh yang selaras dengan harapan kerajaan menjana modal insan kelas pertama. Lantaran itu, cabaran yang dihadapi memerlukan persediaan diri Pensyarah Pendidikan Islam menjadi pensyarah pakar, professional, cekap, berkesan atau dengan kata lain sebagai pensyarah cemerlang (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

## **Peranan Dan Tugas Pensyarah**

Tanggungjawab dan tugas pendidik merupakan suatu amanah yang berat, besar, dan penting (Abdullah Nasih Ulwan, 1989; al-Nahlawi, 1995; Saipo Ayub, 2005; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008; Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008; Abdull Sukor Shaari, 2010; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012). Menjelaskan hakikat ini, tugas pendidik dalam Islam secara umum adalah mendidik, yang bermaksud berusaha mengembangkan seluruh potensi pelajar sama ada potensi psikomotor, kognitif atau afektif (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Hal ini pernah ditegaskan oleh al-Nahlawi (1995) dan Siti Rokina Mas (2008) yang menyatakan guru mempunyai beberapa fungsi utama yang besar sebagai pendidik.

Fungsi tersebut adalah fungsi penyucian dan fungsi pengajaran (al-Nahlawi, 1995). Hal ini diterangkan dengan jelas oleh Siti Rokina Mas (2008) bahawa pendidik berfungsi sebagai motivator, fasilitator, pemacu, dan pemberi inspirasi. Pendidik berfungsi sebagai penyucian bertindak selaku pembersih diri, pemelihara diri, pengembang, serta pemelihara fitrah manusia. Manakala pendidik yang berfungsi sebagai pengajar pula bertindak sebagai penyampai ilmu dan pendorong kepada manusia agar menerapkan seluruh pengetahuannya dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini telah dijelaskan Abdullah Nasih Ulwan (1989) yang menerangkan tanggungjawab pendidik perlu dititik beratkan dalam memberi penekanan kepada pendidikan keimanan, moral, jasmani, mental, rohani, sosial, dan seks. Penekanan kepada aspek ini akan membawa perubahan positif kepada pembangunan insan khususnya pelajar (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Hussain, 2008). Menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Hussain lagi, pembangunan modal insan yang bermula dengan pendidikan, diharap dapat membentuk para pelajar menguasai ilmu ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti.

Sebagai penyampai ilmu pengetahuan, Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008) berpendapat, pendidik perlu kepada penguasaan ilmu kandungan kurikulum, serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran. Pendidik juga harus mengajar dengan terang

dan jelas (Abdullah Nasih Ulwan, 1989) serta mahir dalam aplikasi teori pertumbuhan dan perkembangan manusia (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008). Tidak ketinggalan, pendidik harus mengamalkan kemahiran bimbingan kaunseling, menapis, memilih, cekap dalam mengurus maklumat, mahir dalam penggunaan ICT serta berkebolehan untuk bekerjasama dalam kumpulan dan rakan sejawat. Cadangan dan saranan ini adalah sesuatu yang penting sebagai panduan pemantauan pendidik dalam p&p yang berkesan dan dalam masa yang sama menggariskan elemen pencegahan masalah sosial yang wujud. Walau bagaimanapun Abdullah Sukor Shaari (2010) menjelaskan pendidik mempunyai tugas dan peranan khusus, iaitu:

- (1) Menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran, merangsang dan meningkatkan perasaan ingin tahu pelajar, serta memotivasikan mereka untuk belajar. Perkara ini turut dibincangkan oleh Rohani Arbaa *et al.* (2010) bahawa pendidik yang memahami pelajarannya akan lebih dihormati oleh mereka dan sebagai pulangnya mereka akan lebih memberi perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan. Maka hasilnya, merumuskan komitmen pelajar yang meningkat akan mengurangkan masalah yang dihadapi pendidik di dalam bilik darjah.
- (2) Menyediakan pelajar dengan pengertian belajar, iaitu dengan maklumat serta menyediakan kemudahan seperti perpustakaan, makmal, dan peralatan. Hal ini dipersetujui Rohani Arbaa *et al.* (2010) yang menyatakan bahawa tugas pendidik bukan sekadar menyampaikan ilmu bahkan memastikan ilmu itu diterima dan difahami oleh sekalian pelajarannya.
- (3) Membimbing pelajar dalam pembelajaran seperti mengatasi masalah kesukaran belajar, menunjukkan cara memperoleh pengetahuan di bidang-bidang lain.
- (4) Melihat perkembangan kemajuan pelajar, sentiasa menguji pelajar dari segi pengetahuan dan kemahiran. Hal ini bermaksud, guru juga harus sentiasa dilengkapi dengan ilmu dan teori terkini berkaitan perkembangan remaja lelaki dan perempuan serta permasalahan mereka (Rohani Arbaa *et al.*, 2010).

- (5) Membuat kerja-kerja pemulihan apabila mendapati kemajuan mereka tidak berada pada tahap yang memuaskan.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012) juga bersetuju dan bersependapat dengan Abdullah Nasih Ulwan (1989), al-Nahlawi (1995), Saipo Ayub (2005), Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008), Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008), Abdull Sukor Shaari (2010), dan Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) bahawa pendidik berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan, perancang dan pengurus pembelajaran, pengembang dan pengukuh kemahiran, pembentuk akhlak, pembimbing dan kaunselor, dan sebagai contoh teladan atau model. Beliau turut menambah peranan pendidik juga sebagai pelajar dan pembina budaya ilmu, penghubung dalam masyarakat, serta penyelidik dan penilai.

Sebagai pengajar dan penyebar ilmu, seharusnya pendidik bersedia dengan ilmu yang sudah cukup terutamanya bidang ilmu yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar (Esah Sulaiman, 2012). Untuk itu, kewajipan pendidik dengan melazimi diri dengan budaya suka membaca, mempraktikkan ilmunya, berkongsi idea bersama rakan, dan mengajarkan ilmu kepada para pelajar. Hal ini kerana pendidik merupakan sumber rujukan kepada sesiapa sahaja, sama ada pelajar, rakan sejawat, masyarakat, dan agensi luar. Sebagai pengurus pembelajaran, tugas tersebut bukan sekadar menguruskan aspek pengajaran setiap hari, bahkan kepada aktiviti pembelajaran supaya berjalan lancar dan berjaya. Malah, terdapat pendidik yang menjadi pengurus di peringkat sekolah, daerah, negeri, serta kebangsaan di samping menguruskan hal pentadbiran dan pengkeranian di pejabat dan sekolah.

Pendidik hari ini berfungsi juga sebagai pengembang, pengukuh, dan pembina kemahiran. Berdasarkan latar belakang pelajar dan personaliti pelajar yang berbeza, pendidik berperanan sebagai pembina kemahiran sosial dalam berinteraksi secara sopan, menghormati rakan, dan bertanggungjawab antara satu sama lain. Sebagai pembina kemahiran, pendidik mempunyai tugas yang lebih besar dalam membentuk akhlak pelajar yang mulia. Tingkah laku


yang baik oleh pendidik merupakan satu pengajaran melalui teladan yang boleh diikuti oleh pelajar. Pendidik juga sebagai pembimbing yang akan mendengar masalah pelajar dan nasihat yang berguna akan disampaikan kepada pelajar. Pada saat ini aspek masa dan kemahiran komunikasi pendidik turut digunakan (Esah Sulaiman, 2012).

Pada ketika saat cabaran dan masalah dalam pendidikan semakin banyak. Pendidik bertindak sebagai penyelidik (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012; Esah Sulaiman, 2012). Esah Sulaiman (2012) menambah masalah P&P, disiplin, dan pengurusan menjadi faktor yang menggerakkan pendidik menjalankan kajian tindakan. Tindakan daripada pendidik ini akan menjadi satu usaha yang murni dalam berusaha mencari penyelesaian masalah pelajar melalui kajian secara saintifik.

### **Model Pengajaran Pensyarah**

Model falsafah pengajaran yang dikemukakan oleh Fitzmaurice, M. (2008) dalam Rajah 2.3 merangkumi lima aspek, iaitu tanggungjawab, hubungan interpersonal, sikap, reflektif, dan nilai. Berdasarkan aspek tanggungjawab dalam model falsafah pengajaran, seseorang pendidik mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu pelajar untuk belajar. Kedua, dari aspek hubungan interpersonal pula, kemahuan atau keinginan untuk menyediakan ruang untuk belajar dan menggalakkan pelajar mengeluarkan pendapat adalah suatu yang membantu dalam pengajaran. Bagi aspek sikap, pendidik perlulah mengambil berat tentang pelajar dan membentuk pelajar secara keseluruhan. Akhir sekali ialah aspek reflektif, iaitu merenung kembali amalan pengajaran serta nilai-nilai profesional dan moral. Merujuk kepada model ini, peranan pendidik dapat dibahagikan kepada dua tugas utama, iaitu pengajaran dan pembelajaran serta membentuk peribadi pelajar yang baik. Kesemua ini merupakan elemen dan kriteria yang membantu tercapainya falsafah pengajaran dalam pengajaran seorang pendidik yang akan menjadikan pelajar yang terdidik dengan didikan yang sempurna seterusnya menjauhi daripada terjebak ke dalam gejala sosial.





Rajah 2.3: Model Falsafah Pengajaran Fitzmaurice, M. (2008)

### Implikasi Peranan Guru Dan Masalah Sosial Pelajar

Masalah sosial dalam kalangan pelajar sedikit sebanyak memberi kesan kepada pertumbuhan modal insan melahirkan masyarakat yang bertamadun dan berkualiti. Justeru itu, peranan pensyarah khususnya Pensyarah Pendidikan Islam dalam masa melaksanakan p&p mereka, tanggungjawab memberi nasihat, teguran, bimbingan, dan menjadi teladan serta model yang baik kepada pelajar adalah semestinya selari dan seiring berjalan. Hal ini kerana dalam perbincangan terdahulu dinyatakan bahawa pendidik sememangnya berfungsi dalam pengajaran dan penyucian (al-Nahlawi, 1995). Di sinilah peranan Pensyarah Pendidikan Islam untuk menjalankan tanggungjawab dan peranan menyentuh hati para pelajar seterusnya cuba menghadkan keterlibatan mereka dalam gejala sosial.

Pendidik yang bertindak sebagai penyucian akan memelihara diri dan pelajar dalam aspek pembersihan diri, pemeliharaan diri, serta pemelihara fitrah manusia (Siti Rokina Mas, 2008) bahkan dalam aspek-aspek yang lebih khusus seperti pendidikan keimanan, moral, jasmani, mental, rohani, sosial, dan seks (Abdullah Nasih Ulwan, 1989) dapat diteguhkan dengan kefahaman yang tinggi. Apabila diri dapat dibersihkan dari unsur-unsur yang tidak baik, maka proses p&p akan dapat dilaksanakan dengan hati dan jiwa yang bersih serta mudah menerima pengajaran yang disampaikan dan membawa perubahan positif kepada pembangunan insan

khususnya kepada para pelajar (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Hussain, 2008).

## PENUTUP

Berdasarkan aspek yang telah disebutkan ini, nyatalah peranan dan tanggungjawab Pensyarah Pendidikan Islam sebagai seorang pendidik adalah amat besar dan dituntut dalam membantu membendung masalah sosial daripada berlaku dan merebak. Komitmen dan iltizam yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah dituntut supaya para pelajar yang dilahirkan akan menjadi manusia yang menyumbang kepada modal insan yang cemerlang.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abd. Shukor Shaari (2000). Tingkah Laku Pengajaran dan Kualiti Peribadi Pensyarah Universiti. *Seminar Penyelidikan UUM 2000*. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 438-453.
- Abdullah Nasih Ulwan (1989). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jld. 1-3. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Abdurrahman Al-Nahlawi (1995). *Ushulut Tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fil Baiti wa al-Madrasati wa al-Mujtama*. (Trj. oleh Shihabuddin dengan tajuk: *Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*). Jakarta: Gema Insani Press.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Abu Bakar Nordin (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikiran Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Jld 1, 1-9.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri (2012). *Laporan Dadah Bulan Oktober 2012*. Agensi Anti Dadah Kebangsaan. [19 April 2013].

- Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa (2011). Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 21-30.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusof & Ruhizan Mohammad Yassin (2011). Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE* Vol. 3, No.2, July 2011, 60-70.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. 22-23 Oktober 2008. Universiti Teknologi Malaysia.
- Esah Sulaiman (2012). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Pelajaran Selangor (2009). *Guru Jutawan Akhirat*. Shah Alam: Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan Amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 453-462.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2),2009, 1-14.
- Marian Fitzmaurice (2008). Voices from Within: Teaching in Higher Education as a Moral Practice. *Teaching in Higher Education*, Vol. 13, No. 3, June 2008, 341-352.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 2010.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 61-69.

- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012*. 07-09 Oktober 2012. The Zon Regency by the Sea Johor Bahru.1-44.
- Saipo Ayub (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam*, 2005.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Mohd Shahril
- Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi (2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*.01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia.419-432.
- Siti Roskina Mas (2008). Profesionalitas Guru dalam Peningkatan Kualitas Pembelajaran. *Jurnal Inovasi : Beranda* > VOL. 5, NO. 2, THN. 2008
- Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa & Rohany Nasir (2011). Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesion Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 27, pp. 141-156. ISSN 1394-3923.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A. Shukor  
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM  
Johor Bahru, Johor  
Corresponding author: [aqili\\_firni83@yahoo.com.my](mailto:aqili_firni83@yahoo.com.my)